

Tebing Sungai Damansara hampir runtuh



Keadaan tebing yang menunjukkan pergerakan dan mampu mengancam nyawa penduduk.

SUBANG - Keadaan tebing di Sungai Damansara berhampiran Lorong Temusu, Kampung Melayu Subang yang menunjukkan pergerakan membimbangkan penduduk di kawasan ini.

Sebelum ini tebing berkenaan dikatakan pernah runtuh akibat pergerakan tanah yang berlaku, namun pihak bertanggungjawab berjaya mengambil tindakan untuk membaik pulih kerosakan itu.

Bagaimanapun, tahun lalu masalah berkenaan dilihat kembali berulang apabila tebing yang telah dibaik pulih menunjukkan pergerakan.

Salah seorang penduduk, Shaari Hashim, 28, berkata, pihak kontraktor yang dilantik sebelum ini hanya menjalankan kerja penambahbaikan secara ala kadar sehingga menyebabkan tanah kembali menunjukkan pergerakan.

"Tebing yang retak itu

memberi risiko bahaya kepada penduduk terutamanya yang tinggal berhampiran sungai. Kami risau perkara buruk terjadi kalau tak ada tindakan segera diambil," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Melayu Subang, Zainal Abidin Amat memaklumkan, pihaknya telah beberapa kali memanjangkan permasalahan tersebut kepada

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.

"Wakil MBSA pun dah banyak kali turun padang pantau situasi yang berlaku. Namun masih belum ada tindakan diambil sehingga penduduk mula rasa tak senang duduk.

"Mereka (MBSA) kena ada alternatif menjalankan kerja balik pulih dengan memastikan keselamatan penduduk," katanya.